

FSR@S3 | SECOND EDITION
E-BULLETIN
OCTOBER 2024

FACULTY OF SPORTS SCIENCE AND RECREATION



In conjunction with student association



Lawatan Akademik: ‘Sambil Menyelam Minum Air’

Dr. Radzliyana Radzuwan¹ dan Aida Roha Abdul Rasid¹

¹Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Kampus Seremban.

“Satu langkah, seribu manfaat”

Lawatan akademik bukanlah perkara baru di kalangan pelajar di institut pengajian tinggi (IPT) termasuk UiTM. Malah, pembelajaran melalui lawatan akademik telah bermula sejak di bangku sekolah lagi. Lawatan akademik merupakan kaedah pembelajaran di luar bilik kuliah tanpa buku teks mahupun sebarang peranti tetapi lebih kepada memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar untuk belajar secara hands-on, memperoleh ilmu pengetahuan baru dan merasai pengalaman sebenar di

lapangan dari pihak organisasi yang terlibat. Pengalaman peribadi saya sebagai pensyarah mengajar kursus yang memerlukan lawatan akademik telah membantu meningkatkan fahaman pelajar dengan menggabungkan konsep teori dan praktis. Pelajar menjadi lebih berkeyakinan ketika berkomunikasi, bersikap lebih profesional dan mampu memperbaiki kemahiran bersosial dengan pelbagai lapisan Masyarakat. Sebagai contoh, lawatan akademik ke Skytrex Adventure



Lawatan akademik: 'Sambil menyelam minum air'

Melaka pada 11 Jun 2024 bersama kumpulan pelajar NSR2415A dan NSR2415B telah memberi banyak manfaat kepada mereka terutama dalam mencapai objektif kursus Tourism Management (SMG661) dan Recreation Resource Management (SMG602).

Bukan itu sahaja, kaedah pembelajaran melalui lawatan akademik juga dapat membantu mengurangkan stres dan tekanan pelajar apabila mereka keluar dari rutin harian selama 14 minggu kuliah, menjadikan pelajar lebih relaks dan santai serta mensyukuri nikmat yang dikurniakan Allah SWT termasuk kesihatan, kelapangan masa dan keindahan alam semula jadi. Malah, terdapat di kalangan mereka yang tidak pernah menjejakkan kaki ke Skytrex Adventure Melaka untuk menguji keupayaan diri dalam melakukan aktiviti luar/rekreasi. Aktiviti seperti ini penting dalam menyumbang kepada kesihatan fizikal dan mental pelajar sementara terlalu banyak kes berkaitan tekanan perasaan serta kebimbangan melampau di kalangan mereka dilaporkan sejak kebelakangan ini.



Jelas terpancar keceriaan dan keterujaan di wajah pelajar sebelum memulakan aktiviti.

Walaupun lawatan akademik menawarkan banyak kelebihan kepada pelajar, namun pelaksanaannya turut berdepan dengan

pelbagai cabaran terutamanya kekurangan peruntukan kewangan oleh pihak universiti. Faktor ini didorong oleh peningkatan kos dan belanja mengurus termasuk pengangkutan serta elaun makan yang diberikan kepada pelajar dan pensyarah pengiring.

Namun, cabaran ini tidak pernah mematahkan semangat pensyarah dan pelajar untuk terus berfikir secara kritis dalam mencari alternatif demi memastikan objektif kursus tercapai dan proses kemenjadian pelajar tidak tersekat. Salah satu alternatif yang menjadi amalan pensyarah adalah dengan menggabungkan dua atau tiga kursus dari kumpulan pelajar yang sama yang mempunyai lawatan akademik sebagai salah satu proses pembelajaran. Di sini, idea kreatif pensyarah dan pelajar ditagih bagi mempelbagaikan aktiviti bersesuaian dengan organisasi yang bakal dilawati. Di samping itu, komunikasi dua hala di antara fakulti (kumpulan pelajar) dan organisasi amat penting bagi memastikan kedua-dua entiti memperoleh kebaikan bersama.

Rujukan

- [1] Skytrex Adventure Melaka. (n.d.). Retrieved October 22, 2024, from <https://www.skytrex-adventure.org/melaka>